



TAWARAN SHARES4U 2026

TAWARAN SAHAM PEKERJA "SHARES4U 2026"

RISALAH TAMBAHAN TEMPATAN UNTUK MALAYSIA

Risalah Tambahan Tempatan untuk Malaysia ini diberikan kepada anda sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen lain tawaran Shares4U 2026 (terutamanya, Risalah, Borang Langganan dan Dokumen Maklumat Utama FCPE Shares4U Relais 2026 dan FCPE Valeorizon). Dokumen ini mengandungi ringkasan maklumat tawaran tempatan dan akibat-akibat cukai utama yang berkaitan dengan tawaran ini.

Sila ambil perhatian bahawa VALEO SE ("VALEO") dan majikan anda tidak memberi anda, dan tidak akan memberi anda, sebarang nasihat peribadi, kewangan ataupun percukaian yang berkaitan dengan tawaran ini.

PENAFIAN: DOKUMEN INI ADALAH UNTUK KEGUNAAN DI DALAM MALAYSIA SAHAJA DAN UNTUK PEKERJA ANAK SYARIKAT MALAYSIA YANG BERADA DI DALAM KUMPULAN VALEO ("PEKERJA YANG BERKELAYAKAN") DAN TIDAK BOLEH DIHASILKAN SEMULA, DIGUNAKAN ATAU DIPINDAHKAN KEPADA PEKERJA YANG TIDAK BERKELAYAKAN.

MAKLUMAT TAWARAN TEMPATAN

Maklumat Kawalan Pertukaran Mata Wang

Pembayaran oleh seorang pemastautin (seperti anda atau majikan tempatan anda) kepada seorang yang bukan pemastautin (seperti VALEO) untuk pemerolehan aset-aset mata wang asing (seperti saham-saham di bawah Pelan Simpanan Kumpulan Antarabangsa ("Pelan")), mesti dilakukan dalam mata wang asing.

Anda atau majikan tempatan anda (mengikuti keadaan) akan dikehendaki menukar jumlah pelaburan yang dibayar dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada mata wang asing yang berkenaan (iaitu Euro) sebelum menghantarkannya kepada VALEO.

Pertukaran €/RM

Di Malaysia, anda akan membuat pelaburan dalam Ringgit Malaysia. Oleh sebab saham VALEO adalah disenaraikan dalam Euro, jumlah pelaburan anda akan ditukarkan kepada Euro pada kadar pertukaran yang telah ditetapkan sebelum permulaan tempoh langganan dan diberikan kepada anda dengan harga langganan. Jumlah tersebut dalam Euro akan dilaburkan dalam saham-saham VALEO pada tarikh penambahan modal.

Berikutnya, sepanjang hayat pelaburan anda, nilai saham-saham VALEO akan dipengaruhi oleh pergolakan kadar pertukaran mata wang antara Euro dan Ringgit Malaysia. Pergolakan kadar pertukaran tersebut boleh memberi kesan positif atau negatif terhadap pelaburan anda. Sekiranya nilai Euro mengukuh berbanding dengan Ringgit Malaysia, nilai saham-saham tersebut dalam Ringgit Malaysia, akan meningkat. Sebaliknya, jika nilai Euro melemah berbanding dengan Ringgit Malaysia, nilai saham-saham tersebut dalam Ringgit Malaysia akan menurun.

Had pelaburan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia untuk individu pemastautin di Malaysia

Sila ambil perhatian bahawa Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menetapkan had di atas pelaburan di luar negara (yang termasuk pelaburan dalam tawaran saham pekerja yang dibuat oleh penerbit asing) yang dibuat oleh individu pemastautin (dalam kes ini, pekerja anak syarikat Valeo Malaysia). Had pelaburan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) individu pemastautin tanpa peminjaman Ringgit domestik dibenarkan untuk melakukan pelaburan di luar negara dalam sebarang jumlah;
- (b) individu pemastautin dengan peminjaman Ringgit domestik dibenarkan untuk melakukan pelaburan di luar negara sehingga RM1 juta bersamaan secara agregat setiap tahun kalendar menggunakan, antara lain, dana mata wang asing yang diperoleh daripada penukaran Ringgit. Pelaburan yang melebihi had ini memerlukan kelulusan BNM; dan
- (c) individu pemastautin dengan peminjaman Ringgit domestik dibenarkan untuk melakukan pelaburan di luar negara

sehingga RM10 juta bersamaan dalam agregat pinjaman mata wang asing yang diperoleh oleh pemastautin daripada bank tempatan berlesen atau bukan pemastautin. Pelaburan yang melebihi had ini memerlukan kelulusan BNM.

Anda, dan bukan majikan anda mahupun Valeo, akan memikul tanggungjawab muktamad untuk memastikan bahawa had pelaburan asing tersebut tidak dilampaui sebelum anda menyertai tawaran.

Kaedah Pembayaran

- Pembayaran bagi jumlah langganan anda hendaklah dilaksanakan melalui pindahan bank kepada akaun bank berikut:
Benefisiari: ICHIKOH (MALAYSIA) SDN BHD
Bank: MUFG BANK
Nama cawangan: KUALA LUMPUR
Akaun: 128171
SWIFT Kod: BOTKMYKX
Sila nyatakan Nombor PeopleSoft anda dan "Shares4U" sebagai rujukan untuk pemindahan bank.
- **Pembayaran anda hendaklah diterima dalam akaun yang dinyatakan di atas selewat-lewatnya 30 Oktober 2026.**

Tempoh Penguncian kira-kira 5 tahun dan peristiwa-peristiwa pelepasan awal

Sebagai balasan bagi manfaat-manfaat yang diberikan oleh tawaran ini, pelaburan anda (saham-saham yang dilanggan / unit-unit FCPE) akan tertakluk kepada tempoh penguncian untuk tempoh kira-kira 5 tahun dari tarikh apabila saham-saham diterbitkan dan akan tamat pada 30 Jun 2031, di mana anda tidak dibenarkan untuk menebus pelaburan anda.

Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana peristiwa-peristiwa pelepasan awal yang dinyatakan di bawah berlaku, anda boleh meminta supaya pelaburan anda dilepaskan awal sebelum ketamatan tempoh penguncian:

1. Perkahwinan (*);
2. Kelahiran atau pengambilan anak angkat ketiga (atau lebih) dengan syarat rumah tangga anda telah bertanggungjawab dari segi kewangan bagi sekurang-kurangnya dua orang anak (*);
3. Penceraian yang telah disertakan dengan keputusan mahkamah yang mengisytiharkan bahawa rumah anda adalah tempat tinggal biasa tunggal ataupun tempat tinggal biasa yang dikongsi bagi sekurang-kurangnya seorang anak (*);
4. Keganasan yang dilakukan oleh pasangan atau bekas pasangan anda seperti diiktirafkan oleh laporan polis atau perintah mahkamah;
5. Penamatan perjanjian pekerjaan anda (kecuali pemindahan dalam Kumpulan VALEO);
6. Kecacatan (anda, pasangan anda atau anak anda); dan
7. Kematian (anda atau pasangan anda).

Sila ambil perhatian bahawa untuk peristiwa-peristiwa yang bertanda (*), permintaan untuk pelepasan awal mestilah dikemukakan dalam tempoh 6 bulan berikutan peristiwa tersebut. Sekiranya anda tidak meminta pelepasan awal dalam tempoh 6 bulan berikutan peristiwa tersebut, saham-saham anda akan tetap tertakluk kepada tempoh penguncian untuk tempoh 5 tahun (tertakluk kepada berlakunya peristiwa pelepasan awal selanjutnya).

Penebusan akan berlaku dalam bentuk pembayaran tunggal yang, pada pilihan anda, akan berkaitan dengan semua atau sebahagian aset-aset anda yang boleh ditebus. Sekiranya peristiwa-peristiwa pelepasan awal berlaku pada masa selepas tempoh langganan dan sebelum tarikh untuk peningkatan modal, permohonan pelepasan harus dikemukakan dan akan diproses selepas tarikh peningkatan modal.

Peristiwa-peristiwa penebusan awal tersebut adalah ditakrifkan oleh undang-undang Perancis dan harus ditafsirkan dan digunakan dengan cara yang selaras dengan undang-undang Perancis. Anda tidak harus membuat kesimpulan bahawa peristiwa pelepasan awal boleh diberikan melainkan anda telah menerangkan kes spesifik anda kepada majikan anda dan majikan anda telah mengesahkan bahawa peristiwa pelepasan awal adalah relevan dalam situasi anda, dan setelah anda memberikan dokumentasi sokongan yang diperlukan.

Sila ambil perhatian bahawa kejadian peristiwa pelepasan awal hanya melibatkan keupayaan anda untuk menebus saham yang dibeli dengan pelaburan peribadi anda dalam tawaran, **berbeza daripada Saham-Saham Percuma yang dibincangkan di bawah.**

Kerana Saham-Saham Percuma tidak akan dihantar sehingga 30 November 2029 (kecuali dalam kes hilang upaya atau kematian, dengan syarat anda meminta penghantaran sedemikian), sekiranya anda membuat permohonan untuk penebusan

semua aset sebelum tarikh sebegini dan anda meninggalkan Kumpulan VALEO, anda perlu memberitahu bekas majikan VALEO data peribadi anda jika terdapat sebarang perubahan untuk memastikan penghantaran aset.

Sila ambil perhatian bahawa kematian anda sebelum tarikh penghantaran, waris sah anda perlu membuat permohonan untuk penghantaran Saham-Saham Percuma awal dalam tempoh enam bulan selepas kematian anda tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan kehilangan Saham-Saham Percuma tersebut.

SAHAM-SAHAM PERCUMA

Pelaburan anda akan dipadankan dengan pemberian saham-saham tambahan VALEO tanpa bayaran daripada anda ("**Saham-Saham Percuma**"). Jumlah Saham-Saham Percuma yang diberikan kepada anda akan dikira berdasarkan skala padanan yang dinyatakan di dalam Risalah.

Saham-Saham Percuma adalah hak yang bersyarat untuk menerima saham-saham VALEO tanpa sebarang bayaran tambahan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Pelan. Ia adalah dijangkakan bahawa hak bersyarat untuk Saham-Saham Percuma akan diberikan pada 18 November 2026 dan Saham-Saham Percuma tersebut akan dihantar kepada anda pada atau sekitar 30 November 2029, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma, yang termasuk terutamanya suatu terma kesinambungan pekerjaan. Tempoh antara pemberian dan penghantaran Saham-Saham Percuma dirujuk sebagai tempoh letak hak. Anda akan mendapati di bawah, ringkasan syarat-syarat tertentu yang berkaitan dengan pemberian tersebut, letak hak dan penghantaran Saham-Saham Percuma. Untuk penerangan yang lengkap, sila merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma yang tersedia kepada anda di laman web shares4u.valeo.com dan atas permintaan daripada koresponden sumber manusia anda.

Untuk **melayakkan diri bagi pemberian Saham-Saham Percuma**, anda mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

1. anda mesti telah menghantar borang langganan yang sah untuk menyertai tawaran Shares4U 2026; dan
2. anda mesti diambil kerja oleh majikan salah sebuah syarikat Kumpulan VALEO pada tarikh pemberian hak bersyarat untuk Saham-Saham Percuma (yang sepatutnya berlaku pada 18 November 2026).

Saham-Saham Percuma yang diberikan kepada anda dengan bersyarat akan tertakluk kepada tempoh letak hak selama kira-kira 3 tahun, yang akan tamat pada 30 November 2029. Dalam tempoh letak hak ini, anda bukan pemilik Saham-Saham Percuma tersebut. Anda mempunyai hak untuk menerima Saham-Saham Percuma selepas tempoh letak hak tamat, dengan syarat perjanjian pekerjaan anda tidak ditamatkan dalam tempoh letak hak akibat:

- peletakan jawatan anda (kecuali notis penamatan perkhidmatan yang disebabkan oleh persaraan seperti penjelasan di bawah); atau
- penamatan pekerjaan anda diakibatkan oleh salah laku anda.

Bagi tujuan syarat letak hak, penamatan pekerjaan akibat salah laku adalah ditakrifkan sebagai "mana-mana penamatan yang disebabkan oleh salah laku pekerja itu seperti kelalaian teruk dalam pelaksanaan tugas-tugas atau kegagalan berterusan dan sengaja atau keengganan untuk melaksanakan apa-apa kewajipan-kewajipan yang munasabah yang diminta dalam tempoh pekerjaan atau perkhidmatan dengan mana-mana syarikat Kumpulan VALEO, kekurangan kesetiaan terhadap majikan, pelanggaran serius peraturan-peraturan syarikat, penipuan atau kelakuan tidak jujur". Di samping itu, dalam kes-kes perjanjian penamatan perkhidmatan kerja yang dianggap sebagai peletakan jawatan atau ditandatangani akibat salah laku, pekerja tersebut juga menghilangkan hak menuntut Saham-Saham Percuma (untuk mengelakkan keraguan, perjanjian penamatan perkhidmatan kerja yang tidak dianggap sebagai peletakan jawatan atau ditandatangani akibat salah laku tidak akan mencetuskan kehilangan Saham Percuma, melainkan perjanjian penamatan perkhidmatan kerja tersebut menyatakan kehilangan tersebut).

Sekiranya pekerjaan anda ditamatkan sebelum penamatan tempoh letak hak untuk apa-apa sebab selain daripada keadaan yang disenaraikan di atas, hak-hak anda berkenaan Saham-Saham Percuma akan dipelihara. Secara khususnya, persaraan daripada Kumpulan VALEO pada umur persaraan, atau persaraan pada penamatan tempoh sumbangan minimum seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang tempatan atau perjanjian rundingan tidak akan dianggap sebagai peletakan jawatan dan hak-hak anda berkenaan Saham-Saham Percuma tidak akan terjejas. Begitu juga, sekiranya syarikat majikan anda tidak lagi berada dalam Kumpulan VALEO, hak-hak anda berkenaan Saham-Saham Percuma tidak akan terjejas. Dalam kes kematian dan kecacatan, seperti yang diterangkan dalam Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma, Saham-Saham Percuma anda akan dihantar terlebih dahulu dengan syarat bahawa dalam kes kematian pekerja, permohonan untuk penghantaran terlebih dahulu dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas kematian. Seperti yang dinyatakan di atas, kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan kehilangan hak bersyarat anda untuk menerima Saham-Saham Percuma.

Saham-Saham Percuma anda akan dihantar kepada FCPE Valeorizon atau kenderaan lain yang setara (namun, sila rujuk kepada ringkasan tentang cukai di bawah terhadap cukai dan caj keselamatan sosial yang akan dikenakan (jika ada) semasa penghantaran Saham-Saham Percuma). Anda boleh meminta penebusan unit-unit FCPE anda setara dengan Saham-Saham Percuma anda pada masa penghantaran atau terus memegang unit-unit anda dalam FCPE sepanjang tempoh yang anda ingini.

Sila ambil perhatian bahawa penebusan tidak dapat dilakukan semasa tempoh “black-out” tertentu seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma selaras dengan undang-undang Perancis, terutamanya berkaitan dengan sekatan perdagangan orang dalam.

Penafian undang-undang pekerjaan

Sila ambil perhatian bahawa tawaran ini diberikan kepada anda oleh syarikat Perancis VALEO, dan bukannya oleh majikan tempatan anda.

Tawaran ini tidak menjadi sebahagian perjanjian pekerjaan anda dan tidak meminda atau menambah kepada perjanjian tersebut.

Pelancaran tawaran ini adalah berikutan keputusan yang diambil atas budi bicara VALEO. Ia bukan suatu pemberian hak dan penyertaan dalam tawaran ini sama sekali tidak memberi sebarang hak untuk menyertai transaksi-transaksi yang serupa. VALEO tidak mempunyai obligasi untuk melancarkan tawaran-tawaran baru pada tahun-tahun akan datang.

Faedah-faedah atau bayaran-bayaran yang anda mungkin terima atau layak untuk terima di bawah tawaran ini tidak akan diambil kira dalam pertimbangan untuk menentukan jumlah sebarang faedah-faedah, bayaran-bayaran ataupun kelayakan-kelayakan masa depan yang lain yang perlu dibayar kepada anda (termasuk dalam kes penamatan pekerjaan).

MAKLUMAT PERCUKAIAN UNTUK PEKERJA-PEKERJA

Ringkasan ini menerangkan prinsip-prinsip am yang dijangka relevan untuk pekerja-pekerja yang (i) merupakan dan kekal sebagai, sehingga pelupusan pelaburan mereka, pemastautin Malaysia bagi tujuan undang-undang cukai Malaysia dan Konvensyen antara Malaysia dan Republik Perancis untuk mengelakkan percukaian dua kali yang bertarikh 24 April 1975 (“Perjanjian”) dan (ii) berhak untuk mendapatkan faedah-faedah Perjanjian tersebut.

Ringkasan ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai lengkap atau konklusif.

Akibat-akibat cukai yang disenaraikan di bawah adalah menurut undang-undang dan amalan-amalan percukaian Malaysia dan Perancis yang tertentu, dan juga Perjanjian, yang semuanya relevan pada masa tawaran. Undang-undang, amalan-amalan dan Perjanjian ini mungkin akan berubah dari semasa ke semasa.

Bergantung kepada keadaan peribadi anda, layanan cukai yang diguna pakai oleh anda mungkin berbeza dengan rejim yang dinyatakan di dalam ringkasan ini, terutamanya jika anda berada dalam mobiliti antarabangsa.

Untuk nasihat yang muktamad, pekerja-pekerja harus meminta nasihat tentang akibat-akibat cukai berikutan penyertaan dalam tawaran tersebut daripada penasihat cukai mereka.

Ringkasan cukai

(Sila ambil perhatian bahawa carta di bawah merupakan satu ringkasan sahaja. Sila baca dengan teliti maklumat yang lebih terperinci yang disediakan di dalam dokumen ini seterusnya.)

	Diskaun	Dividen	Saham-Saham Percuma	Keuntungan pada penebusan
Bilakah manfaat akan dikenakan cukai?	Umumnya pada akhir tempoh langganan, dengan tepatnya apabila penghantaran saham yang akan berlaku pada hari kemudian (iaitu 18 November 2026)	Tidak terpakai kerana dividen yang diperolehi di luar Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai. Pengecualian ini hanya terpakai kepada individu, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad	Pada peletakhakan	Tidak terpakai
Di manakah ia boleh dikenakan cukai?	Di Malaysia	Tidak terpakai	Di Malaysia	Tidak terpakai
Cukai pendapatan	Ya, dipegang oleh majikan anda (kecuali anda membuat pilihan bertulis yang bertentangan)	Tidak terpakai	Ya, dipegang oleh majikan anda (kecuali anda membuat pilihan bertulis yang bertentangan)	Tidak terpakai
Caj Keselamatan Sosial	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Adakah pengecualian khusus dikenakan?	Tiada	Tidak terpakai	Tiada	Tidak terpakai

Percukaian di Perancis

Oleh sebab semasa tempoh penguncian selama kira-kira 5 tahun, pelaburan anda akan dipegang dalam FCPE Valeorizon dan FCPE tersebut akan melaburkan semula apa-apa dividen yang mungkin dibayar oleh VALEO, anda tidak akan dikenakan cukai di Perancis untuk pelanggan atau pemegang unit-unit FCPE anda.

Percukaian di Malaysia

PADA MASA LANGGANAN



Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial untuk langganan saham-saham pada harga diskaun?

Ya. Diskaun ke atas nilai pasaran saham-saham, yang merupakan perbezaan antara harga langganan dan nilai pasaran saham-saham, akan dianggap sebagai faedah bercukai dan tertakluk kepada cukai pendapatan. Nilai pasaran saham-saham adalah nilai pasaran saham-saham pada hari pertama tempoh langganan (iaitu, 15 September 2026) atau nilai pasaran saham-saham pada tarikh kuat kuasa pembelian saham-saham (iaitu, hari terakhir tempoh langganan, iaitu 29 September 2026), yang mana lebih rendah. "Nilai pasaran" saham-saham ditentukan dengan purata harga tertinggi dan harga terendah saham-saham pada tarikh yang berkenaan.

Pelangganan saham-saham di Malaysia hanya akan berkuatkuasa pada hari terakhir tempoh langganan (tanpa mengambil kira bila borang langganan diserahkan atau bila pembayaran untuk saham-saham langganan dibuat). Oleh itu, tarikh hari terakhir tempoh langganan adalah tarikh pembelian saham.

Manfaat ini akan tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 0% hingga 30% berdasarkan pendapatan bercukai anda untuk tahun penilaian yang berkenaan tersebut sekiranya anda seorang pemastautin cukai. Individu bukan pemastautin akan tertakluk kepada cukai pada kadar tetap 30% atas pendapatan yang berpunca dari Malaysia.

Majikan anda berkewajipan untuk memegangkan dan menolak cukai yang perlu dibayar daripada gaji anda pada bulan yang peristiwa percukaian berlaku mengikut Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, melainkan jika anda telah membuat pilihan bertulis kepada majikan anda, pada masa langganan, untuk membayar cukai pendapatan sendiri. Kewajipan sedemikian dianggap timbul apabila faedah bercukai dianggap terakru, yang biasanya atas penghantaran saham-saham langganan.

Tidak ada caj-caj keselamatan sosial akibat diskaun langganan saham (jika ada).

Sila ambil perhatian bahawa jika penghantaran saham-saham yang dilanggan kepada anda mengakibatkan majikan anda atau syarikat dalam Kumpulan VALEO perlu membayar atau memegang cukai, caj keselamatan sosial atau sebarang cukai untuk anda, VALEO berhak untuk (i) memegang jumlah yang diperlukan daripada gaji anda (setakat dibenarkan undang-undang yang terpakai) dan/atau (ii) menjualkan saham-saham yang dilanggan yang diperlukan untuk menampung pembayaran tersebut yang anda berhutang dengan hasil yang diperoleh daripada penjualan tersebut.



Perluakah saya membayar sebarang cukai atau caj keselamatan sosial untuk pemberian Saham-Saham Percuma?

Tidak, anda tidak akan tertakluk kepada apa-apa cukai atau caj-caj keselamatan sosial pada masa pemberian hak untuk menerima Saham-Saham Percuma.

SEMASA HAYAT PELAN



Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial untuk dividen?

Tidak. Di Malaysia, dividen dikecualikan daripada cukai jika diperolehi dari luar Malaysia. Pengecualian ini hanya terpakai kepada individu, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad. Tiada caj-caj keselamatan sosial yang akan dikenakan.



Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial untuk penghantaran Saham-Saham Percuma dalam FCPE?

Ya. Saham-Saham Percuma akan dikenakan cukai apabila saham-saham tersebut diletak hak, iaitu, apabila Saham-Saham Percuma tersebut menjadi tidak bersyarat, dan oleh itu, boleh diterima dan dihantar kepada anda. Oleh itu, peletakhakan awal boleh mengubah masa pencukaian. Jika peletakhakan berlaku pada tarikh penghantaran Saham-Saham Percuma, peristiwa bercukai akan dianggap telah dicetuskan semasa penghantaran.

Memandangkan anda tidak perlu membayar sebarang balasan untuk Saham-Saham Percuma, manfaat bercukai adalah nilai pasaran penuh saham-saham pada tarikh perletakan hak didarab dengan bilangan Saham-Saham Percuma yang diberikan kepada anda. Jika tarikh letak hak Saham-Saham Percuma jatuh pada hari bukan dagangan, nilai pasaran saham-saham pada hari dagangan berikutnya akan digunakan. Keuntungan tersebut adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 0% hingga 30% berdasarkan pendapatan bercukai anda untuk tahun taksiran yang berkaitan bagi pemastautin cukai. Individu bukan pemastautin akan tertakluk kepada cukai pada kadar tetap 30% atas pendapatan yang berpunca dari Malaysia.

Majikan anda diwajibkan untuk memegangkan dan menolak cukai yang perlu dibayar daripada gaji anda pada bulan yang peristiwa percukaian berlaku mengikut Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, melainkan jika anda telah membuat pilihan bertulis kepada majikan anda, pada masa letak hak, untuk membayar cukai pendapatan sendiri. Kewajipan tersebut dianggap timbul apabila manfaat bercukai dianggap terakru, yang biasanya atas peletakhakan Saham-Saham Percuma.

Tidak ada caj-caj keselamatan sosial yang perlu dibayar untuk Saham-Saham Percuma tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa jika penghantaran Saham-Saham Percuma kepada anda mengakibatkan majikan anda atau syarikat dalam Kumpulan VALEO perlu membayar atau memegang cukai, caj keselamatan sosial atau sebarang cukai untuk anda, VALEO berhak untuk menangguhkan penghantaran Saham-Saham Percuma sehingga anda membuat bayaran yang perlu dibayar atau membuat susunan untuk pembayaran tersebut. Sebagai alternatif, VALEO atau majikan anda boleh (i) memegang jumlah yang diperlukan daripada gaji anda (setakat dibenarkan undang-undang yang terpakai) dan/atau (ii) menjualkan Saham-Saham Percuma yang diperlukan untuk menampung pembayaran tersebut yang anda berhutang dengan hasil yang diperolehi daripada penjualan tersebut.



Adakah saya perlu membayar sebarang cukai kekayaan untuk unit-unit yang saya miliki?

Tidak. Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai rejim cukai kekayaan.

SEMASA PENEBUSAN



Adakah saya perlu membayar sebarang cukai atau caj-caj keselamatan sosial apabila saya meminta FCPE menebus unit-unit saya?

Tidak. Anda tidak akan tertakluk kepada cukai keuntungan modal dan caj-caj keselamatan sosial. Melainkan anda berada dalam perniagaan membeli dan menjual sekuriti-sekuriti, anda tidak akan dikenakan cukai pendapatan atas keuntungan, jika ada, yang direalisasikan pada penebusan unit anda dan penjualan saham berikutnya.

OBLIGASI PELAPORAN ANDA

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, semua pembayar-pembayar cukai diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menaksir dan membayar cukai yang kena dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDN"). Anda mesti memastikan bahawa sebarang manfaat bercukai yang anda terima di bawah penawaran tersebut berkenaan dengan diskaun ke atas saham yang dilanggan dan Saham-Saham Percuma yang anda terima dilaporkan dengan tepat di dalam Borang Cukai Pendapatan yang anda perlu serahkan kepada LHDN setiap tahun berkenaan dengan tahun taksiran sebelumnya di mana faedah bercukai timbul (iaitu Borang BE untuk individu pemastautin yang tidak menjalankan perniagaan, Borang B untuk individu pemastautin yang menjalankan perniagaan dan Borang M untuk individu bukan pemastautin).

OBLIGASI PELAPORAN MAJIKAN ANDA

Majikan anda juga dikehendaki mengemukakan perkara berikut kepada LHDN:

- (a) Lampiran A kepada Ketetapan Umum No. 11/2012 yang dikeluarkan oleh LHDN (Borang BT/MSSP/2012) untuk memberitahu LHDN mengenai pelan tersebut supaya LHDN boleh mengesahkan bagaimana faedah bercukai yang timbul daripada pelan itu boleh dikira oleh majikan; dan
- (b) nama pekerja yang telah melaksanakan hak mereka di bawah pelan dengan mengemukakan Lampiran C kepada Ketetapan Umum No. 11/2012 yang lengkap sebaik sahaja faedah bercukai ditentukan pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari tahun kalendar berikutnya berikutan tahun di mana faedah bercukai timbul.

Majikan anda juga dikehendaki melaporkan faedah bercukai yang timbul daripada tawaran dalam pulangan tahunan saraan pekerja (Borang EA) untuk tahun di mana faedah bercukai itu timbul.

Notis Privasi (Versi Melayu)

Anda diwajibkan untuk memberikan semua informasi dan maklumat yang diminta dalam pesanan langganan atau sebarang maklumat tambahan yang kami minta daripada anda. Maklumat yang anda beri kepada VALEO dan/atau majikan tempatan anda di dalam pesanan langganan tersebut akan dikumpul, dipindah, diguna dan diproses oleh VALEO, majikan tempatan anda dan mana-mana pihak lain yang bukan ahli kumpulan VALEO, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang telah diberi kuasa secara nyata untuk menerima dan menyimpan maklumat berkenaan, bagi tujuan pengurusan Pelan dan FCPE, pentadbiran akaun dan penyimpanan maklumat berkenaan secara elektronik dan untuk sebarang tujuan lain yang berkaitan seperti mana diberi kuasa oleh VALEO dari semasa ke semasa.

Sekiranya anda gagal memberikan data peribadi yang diminta, ini mungkin akan menjejaskan keupayaan anda untuk menikmati dan/atau menyertai sepenuhnya manfaat berkaitan dengan Pelan tersebut.

Anda berhak untuk meminta akses, ubah suai, mengehadkan dan membetulkan sebarang data peribadi anda dengan memberi makluman bertulis kepada:

ICHIKOH (MALAYSIA) SDN. BHD.
CECILIA YAP CHOI HAR
PENGURUS TAPAK, SUMBER MANUSIA
cecilia.yap@valeo.com
cecilia-yap@ichikoh.com
+606 - 798 7887



Notis Privasi (Versi Bahasa Inggeris)

It is obligatory for you to provide all the information requested in the subscription order or any additional information which we request from you. The information provided by you to VALEO and/or your local employer in such subscription order will be collected, transferred, used and processed by VALEO, your local employer and any party outside the VALEO Group, whether within or outside Malaysia, who are expressly authorised to receive and maintain such information, for purposes of the management of the Plan and the FCPE, for account administration and the electronic storage of such information and for any other related purpose as authorised by VALEO from time to time.

In the event that you fail to provide any personal data requested, this may adversely affect your ability to enjoy and/or participate in the full benefits of the Plan.

You will have a right to access, modify, limit and correct any of your personal data by means of written notification to:

ICHIKOH (MALAYSIA) SDN. BHD.
CECILIA YAP CHOI HAR
SITE MANAGER, HUMAN RESOURCES
cecilia.yap@valeo.com
cecilia-yap@ichikoh.com
+606 - 798 7887

Untuk maklumat terperinci mengenai tawaran ini, sila rujuk kepada dokumen-dokumen tawaran serta Peraturan Pelan Simpanan Kumpulan Antarabangsa VALEO, kepada Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma dan kepada Peraturan-Peraturan FCPE Shares4U Relais 2026 dan FCPE Valeorizon seperti yang diluluskan oleh AMF, pihak berkuasa sekuriti Perancis. Semua dokumen-dokumen ini telah disediakan kepada anda di shares4u.valeo.com dan atas permintaan daripada koresponden sumber manusia anda.

Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini diberikan kepada anda semata-mata sebagai maklumat.

Tidak ada apa-apa yang terkandung di dalam dokumen ini atau di mana-mana bahan-bahan lain yang diedarkan atau disediakan kepada anda yang berkaitan dengan tawaran ini akan memberikan anda apa-apa hak-hak atau kelayakan yang berkaitan dengan pekerjaan anda. Keputusan anda sama ada untuk mengambil bahagian dalam tawaran ini atau tidak adalah semata-mata secara sukarela dan peribadi. Tawaran ini adalah mengikut budi bicara dan penyertaan dalam tawaran ini adalah berasingan daripada dan tidak menjadi sebahagian pekerjaan anda.

Saham-saham VALEO adalah disenaraikan di Euronext Paris (bursa saham Paris). Pelaburan anda adalah dikaitkan dengan dan oleh itu akan turun naik dengan harga pasaran saham-saham VALEO. Akibatnya, pelaburan anda tertakluk kepada risiko. Dokumen Pendaftaran Sejagat VALEO (*Document d'Enregistrement Universel*) terkini dan laporan-laporan kewangan VALEO boleh didapati di www.valeo.com dan atas permintaan kepada majikan anda. Dokumen-dokumen tersebut mengandungi maklumat perniagaan VALEO, keputusan-keputusan kewangan dan risiko-risiko tertentu yang berkaitan dengan pelaburan dalam saham-saham VALEO.